

# Peng Kean tamat kemarau 48 tahun

»Penyertaan kali terakhir pada 1964 di Tokyo menerusi Ronnie Theseira

Oleh Sukhairi Abd Thani

sukhairi@bharian.com.my

■ Kuala Lumpur

**Y**u Peng Kean (kanan) mungkin berdepan laluan sukar pada penyertaan pertama di Sukan Olimpik London tetapi bagi Persekutuan Lawan Pedang Malaysia (MFF), apa yang lebih membanggakan ialah atlit itu sudah berjaya mengakhiri kemarau 48 tanpa wakil ke temasya terunggul dunia itu.

Kali terakhir ialah pada 1964 di Tokyo menerusi Ronnie Theseira dan bagi MFF, Peng Kean sudah membuktikan kemampuannya meskipun sasaran awal buat atlit berusia 21 tahun itu sebenarnya pada Olimpik 2016 di Rio de Janeiro, Brazil.

Susulan daripada itu, Setiausaha Kehormat MFF, Riduan Abdul berkata, badan induk itu enggan meletak harapan tinggi pada penyertaan Peng Kean kali ini dengan hanya meletak harapan dia mampu menjelak kaki ke pusinan kedua.

“Kami tahu halangan yang bakal ditempuh memang sukar tambahan pula disertai atlit berpengalaman seperti dari Itali, Russia, Korea Selatan dan China. Kami tak mahu seperti meng-




harap bintang di langit dan cukup sekadar ke pusingan kedua.

“Kami harap penyertaannya di London akan digunakan sebaik mungkin untuk dia menimba pengalaman sebelum cuba ke Sukan Olimpik 2016 pula,” kata Riduan mengenai atlit dari Melaka itu yang kini menjalani latihan intensif di China dan akan pulang ke tanah air 21 Julai ini sebelum terbang ke London dua hari selepas itu.

Mengulas mengenai kecederaan lutut kiri yang dialami Peng Kean pada Kejohanan Lawan Pedang Asia di Seoul tahun lalu, Riduan berkata, kecederaan itu semakin pulih selepas menjalani fisioterapi.

“Saya ada menghubunginya di China dan dia memberitahu kecederaannya semakin pulih dan tidak menunjukkan tanda gangguan. Tetapi sebagai langkah berhati-hati, saya secara peribadi menasihatkannya supaya jangan menjalani latihan keras kerana bimbang kecederaannya berulang.”

Pelajar jurusan Sumber Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM) itu layak secara merit ke Olimpik berpandukan kiraan mata diperoleh serta kedudukan tempat kesembilan dan ketujuh ketika beraksi di Kejohanan Asia 2010 dan 2011.



## INFO

### Sukan fencing

- © Lawan pedang membuka tirainya di ExCel 28 Julai
- © 10 pingat emas ditawarkan
- © 212 atlit mengambil bahagian
- © 105 atlit lelaki dan 107 wanita
- © Sebanyak 35 piste (gelanggang) digunakan di Olimpik London
- © Pada Sukan Olimpik 1896 di Athens, Greece, hanya dua acara iaitu foil dan sabre lelaki dipertandingkan sebelum epee diperkenalkan buat kali pertama di Paris pada 1900

## INFO

### Biodata

- © Nama: Yu Peng Kean
- © Umur: 21 tahun
- © 212 atlit mengambil bahagian
- © 105 atlit lelaki dan 107 wanita
- © Tarikh lahir: 8 Mei 1991
- © Idol: Aleksey Yakimenko (atlit lawan pedang Russia)
- © Acara: Sabre individu
- © Pencapaian: Gangsa sabre individu Sukan SEA 2011 dan emas berpasukan sabre; tempat ke-7 di kejohanan Asia 2011